

Headline	BMW serah kenderaan untuk CEPSI 2018		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	30
ArticleSize	394 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 40,587		



BMW serah kenderaan untuk CEPSI 2018

BMW Malaysia menyerahkan 20 kereta model BMW 5 Series Hybrid dengan Teknologi eDrive kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) untuk digunakan pada Persidangan Industri Bekalan Elektrik (CEPSI 2018) minggu depan.

Rangkaian kenderaan berkenaan akan digunakan sebagai kereta rasmi di lokasi persidangan berkenaan berlangsung, iaitu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur bermula 17 hingga 22 September depan.

Penyerahan adalah susulan pelantikan BMW Malaysia sebagai Rakan e-Mobiliti Rasmi acara berkenaan.

Bertukar kepakaran, pandangan

Ia diserahkan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif BMW Malaysia, Harald Hoelzl kepada Ketua Korporat TNB yang juga Setiausaha Agung Persatuan Industri Bekalan Elektrik Asia Timur dan Pasifik Barat (AESIEAP), Datuk Wira Roslan Ab Rahman di ibu pejabat TNB di Bangsar.

Mengulas mengenai kerjasama berkenaan, Hoelzl berkata, ia melambangkan hasrat pihaknya untuk menjadi rakan utama dalam memperbaharui industri Mobiliti Electro tempatan dan mencapai cita-cita negara ini dalam Pemban-

gunan Mapan.

“Kami berharap dapat bertukar kepakaran dan pandangan dengan peneraju industri, di samping menambah pengetahuan daripada ramai ketua pemikir pada CEPSI 2018 bagi membentuk Malaysia yang lebih baik,” katanya.

Kerjasama mobiliti elektronik

Sementara itu, Roslan berkata, kereta yang ditaja BMW itu akan diguna untuk pergerakan jemputan penting dan Ahli Lembaga AESIEAP sepanjang persidangan lima hari itu berlangsung.

“Kerjasama mobiliti elektronik ini adalah yang pertama seumpamanya bagi CEPSI sejak pelaksanaannya pada 1976 di Hong Kong.

“Malah tempohnya juga berteepatan kerana kenderaan elektrik kini sedang menjaga revolusi di dalam sektor pengangkutan di seluruh negara,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Hoelzl berkata, pihaknya juga akan berkongsi pandangan mengenai masa depan mobiliti menerusi Ketua Pengurusan Produk BMW i, Dr Alexander Kotouc yang akan menjadi penyampai ucaptama pada acara berkenaan.

“Kami juga akan melancarkan model baharu daripada portfolio BMW i pada acara berkenaan,” katanya.

Headline	BMW serah kenderaan untuk CEPSI 2018		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	30
ArticleSize	394 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 40,587		



Hoelzl menyerahkan 20 kenderaan BMW 5 Series Hybrid kepada Roslan di ibu pejabat TBN, bangsar semalam.